

- e. Disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Syarat-syarat lain yang ditetapkan adalah seperti berikut:
- Staf dikehendaki mengemukakan laporan pengajian/keputusan peperiksaan setiap semester kepada Pendaftar. Jika gagal berbuat demikian, Universiti boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.
  - Sekiranya laporan pengajian bagi sesuatu semester tidak memuaskan, Universiti juga boleh menghentikan kemudahan pengurangan yuran pada semester berikutnya.
  - Staf diminta menandatangani perjanjian pembiayaan yuran pengajian.
  - Kemudahan ini diberikan sekali sahaja bagi setiap peringkat pengajian yang diikuti di sepanjang perkhidmatan dengan Universiti Utara Malaysia dan hanya diberikan kepada staf yang belum pernah mendapat kemudahan cuti belajar bagi peningkatan pengajian berkenaan.

### 3.0 PERLAKSANAAN

- Had umur untuk mendapat kemudahan yang ditetapkan adalah tidak melebihi umur 50 tahun bagi pengajian ijazah Kedoktoran. Had umur bagi pengajian ijazah Sarjana dan Sarjana Muda adalah umur yang mencukupi untuk staf berkhidmat bagi memenuhi kontrak perkhidmatan yang ditetapkan dalam perjanjian.
- Staf yang ingin mendapat kemudahan ini hendaklah memohon kepada Pendaftar dengan menggunakan borang yang boleh diperolehi di Jabatan Pendaftar atau di laman web Jabatan Pendaftar.


### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 19 Julai 2007.

### 6.0 HAL-HAL LAIN

Walaupun peruntukan dalam peraturan ini, Universiti berhak meminda dan menambah syarat-syarat seperti yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

"ILMU BUDI BAKTI"

  
**YAACOB JUSOH**  
 Pendaftar  
 Universiti Utara Malaysia

10 Oktober 2007

Semua  
 Dekan Fakulti  
 Pengarah Institut/Pusat/Unit  
 Ketua-ketua Jabatan  
 Universiti Utara Malaysia